

03 NOV 1997

G15-Indonesia

SUHARTO UCAP TERIMA KASIH ATAS BANTUAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Presiden Suharto hari ini mengucapkan terima kasih kepada Malaysia di atas bantuan persahabatan yang diberikan dalam menangani masalah kebakaran hutan di Indonesia dan krisis mata wang.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata ucapan itu disampaikan Suharto kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pertemuan di sini hari ini.

"Beliau (Suharto) telah mengambil kesempatan dalam perjumpaan itu untuk menyampaikan penghargaannya ke atas sokongan dan kerjasama Malaysia dalam menangani masalah kebakaran hutan," katanya kepada pemberita.

Malaysia menghantar lebih 1,000 anggota bomba ke Kalimantan dan Sumatera untuk membantu pihak berkuasa Indonesia memadamkan kebakaran hutan yang menyebabkan masalah jerebu di beberapa negara rantau ini.

Menurut Abdullah, Suharto berkata Indonesia akan terus berusaha memadamkan kebakaran hutan dan masih menerima bantuan yang dihulurkan negara-negara lain.

Katanya, Suharto juga melahirkan penghargaan ke atas setia kawan Malaysia yang memberi sokongan kepada ekonomi republik itu yang terjejas teruk akibat krisis mata wang dengan menjanjikan bantuan kewangan sebanyak US\$1 bilion.

Selain itu, kata Abdullah, Suharto juga berterima kasih kerana Malaysia sanggup mengambilalih pengendalian Sidang Kemuncak G15 sebagai tuan rumah setelah Indonesia yang dijadualkan memainkan peranan itu terpaksa membatalkannya di atas sebab-sebab tertentu.

Abdullah berkata, Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada Suharto dan pemimpin negara-negara lain kerana memberi sambutan yang baik terhadap sidang kemuncak itu yang bermula hari ini.

Sementara itu, Menteri Sekretaris Negara Indonesia, Moerdiono berkata Suharto dan Dr Mahathir juga bersetuju agar pertukaran maklumat antara Indonesia dan Malaysia dipertingkatkan berikutan rentetan peristiwa yang berlaku baru-baru ini, yang membabitkan kedua-dua negara.

"Mereka bersepakat perlunya diadakan pertukaran maklumat antara jabatan kedua-dua negara di semua bidang di masa depan," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat ketua-ketua negara G15.

Moerdiono berkata kedua-dua pemimpin berkenaan tidak menyentuh isu-isu lain dalam pertemuan selama 30 minit itu disebabkan "waktu terlalu singkat".

Katanya, Suharto turut mengucapkan terima kasih kepada Malaysia di atas kesediaannya mengambil alih penganjuran mesyuarat kali ini dari Indonesia.

"Indonesia sepatutnya menjadi tuan rumah mesyuarat ketujuh ini. Bagaimanapun disebabkan kesibukan menguruskan beberapa agenda kenegaraan yang penting, Indonesia belum dapat menyiapkan diri untuk menjadi tuan rumah persidangan ini," katanya.

Ketika ditanya mengenai bantuan kewangan yang diberi beberapa buah negara, termasuk Malaysia, serta Tabung Mata Wang Antarabangsa bagi memulihkan ekonomi negara itu, Moerdiono berkata bantuan dari tabung dunia itu akan hanya digunakan apabila ia benar-benar diperlukan.

Indonesia dijangka menerima bantuan sehingga US\$40 bilion.

Moerdiono berkata Malaysia telah menghantar bantuan sebanyak US\$1 bilion menerusi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini. -- BERNAMA

RA AKD

